

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH 14..... BULAN SEPT..... TAHUN 2024.....

UMT wujud galeri artifak bawah air realiti terimbuh pertama di Malaysia

Um 14/9/24 m/s 31

SAUDARA PENGARANG,

UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT) melancarkan galeri artifak bawah air realiti terimbuh (AR) pertama di Malaysia sekali gus menjadikan penunjuk aras baharu dalam usaha memelihara warisan maritim negara.

Galeri ini memberi tumpuan kepada sejarah ketamadunan dan perdagangan di nusantara, khususnya yang berkaitan dengan penemuan kapal karam di perairan pantai timur.

Penemuan Kapal Karam Bidong pada 2012 oleh nelayan tradisional, Zazeri Ajang menjadi titik tolak bagi penyelidikan arkeologi bawah air yang berterusan di UMT. Ekskavasi pertama dijalankan pada 2017 dan diikuti oleh kejayaan ekskavasi kedua dan ketiga pada 2022 dan 2023. Hasil daripada ekskavasi itu menemukan pelbagai artifak berharga yang kini di bawah jagaan Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan, UMT.

Dalam usaha untuk berkongsi penemuan itu dengan masyarakat, UMT bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk Digital Geoscience Global (DGeG) dan Perbadanan Kemajuan Teknologi Malaysia (MTDC) bagi menghasilkan pameran interaktif yang menggabungkan teknologi pengimbasan 3D dan realiti terimbuh.

Pameran di Galeri Institut Oseanografi dan Sekiatan (INOS) UMT bukan sahaja memaparkan sejarah masa lalu, tetapi juga

memanfaatkan teknologi terkini untuk mengekalkan warisan tersebut untuk generasi akan datang tanpa merosakkan artifak asal.


Menurut Naib Canselor UMT, Profesor Dr. Mohd. Zamri Ibrahim, galeri INOS yang menempatkan artifak-artifak bersejarah itu merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia dengan menggunakan teknologi AR dan VR dalam memperkasakan bidang geosains dan geowarisan.

Kerjasama dengan MTDC melalui teknologi realiti terimbuh ini adalah sebahagian daripada pembangunan pangkalan data integrasi dan geospasial yang sedang dijalankan oleh UMT bersama Cradle Fund Sdn Bhd. Teknologi ini akan menghubungkan data geologi di bawah satu pangkalan data berasaskan awan yang membolehkan visualisasi AR dan model 3D.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif DGeG, Sarah Rahman turut menyatakan rasa terima kasih atas kerjasama yang diberikan semua pihak dalam usaha mewujudkan Galeri Artifak AR pertama di Terengganu.

Penggunaan pemodelan AR dan 3D akan memastikan pemeliharaan artifak budaya dengan cara yang lebih komprehensif, serta menyediakan rekod penting sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan.

PEJABAT KOMUNIKASI KORPORAT
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



TEKNOLOGI ini akan menghubungkan data geologi di bawah satu pangkalan data berasaskan awan yang membolehkan visualisasi realiti terimbuh (AR) dan model 3D.